

PENGLIBATAN GOLONGAN BUKAN ISLAM DALAM AMALAN WAKAF DEMI PEMBANGUNAN NEGARA, MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

INVOLVING NON-MUSLIM IN WAKAF FOR NATIONAL DEVELOPMENT FROM THE SYARIAH PRESPECTIVE

Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al Jafari

Alumni Ph.D USIM, Pensyarah Bebas Singapura, md_adib1@hotmail.com

Abstrak:	Abstract:
<p><i>Pensyariatan wakaf bukan sahaja membawa kesejahteraan akhirat dengan berkekalannya pahala untuk pewakaf setelah kewafatannya, malah ia juga membawa kesejahteraan dalam kehidupan dunia. Kemanfaatan dan kebaikan amalan ini di dunia tidak hanya diraih oleh masyarakat Islam bahkan ia juga boleh diperolehi dan digunakan golongan bukan Islam. Namun begitu pendedahan mengenai instrumen kewangan Islam ini amat jarang didedahkan kepada golongan bukan Islam atau hampir tiada. Pekara ini berkemungkinan berpunca dari sterotaip pemikiran masyarakat Islam bahawa amalan agama Islam dan pensyariatannya hanya untuk ummat Islam sahaja atau kerana keyakinan, meminta pertolongan dari golongan bukan Islam adalah dilarang sama sekali atau kerana mempercayai harta golongan bukan Islam semestinya haram dan tidak harus digunakan oleh orang Islam. Objektif dari kertas kerajaan ini adalah</i></p>	<p><i>Waqf's legislation in Islam not only brings the well-being of the hereafter with the endurance of the reward for the deceased after the demised of a person, but it also brings prosperity in the person's life. The benefits and advantages of this practice in the world are not only achieved by the Muslim community, but it can also be obtained and used by non-Muslims. However, the disclosure of Islamic financial instruments is rarely exposed to non-Muslims or virtually none. This is likely to be attributed to the Muslim community's stereotypical thinking that the practice of Islam and its fulfillment is only for the ummah of Islam alone or because of the belief, seeking the help of non-Muslims is strictly forbidden or for believing the property of non-Muslims should be illegal and should not be used by Muslims. The objective of this paper is to see how far non-Muslims are allowed to participate in wakaf or involved in wakaf. The author will look at the texts of the previous scholars and</i></p>

<p>untuk melihat sejauh manakah golongan bukan Islam dibenarkan untuk berwakaf atau terlibat dalam wakaf. Penulis akan melihat kepada teks para ulama dahulu dan membandingkannya kemudian melihat pandangan manakah yang terbaik untuk dicadangkan sebagai pendapat yang akan digunapakai dan diaplikasikan dalam masyarakat pada hari ini. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa golongan bukan Islam dibenarkan untuk berwakaf agar suasana tolong menolong dalam masyarakat lebih dirasai dan dinikmati bersama dan kebenaran ini tidak dianggap tergolong dalam larangan meminta pertolongan dari golongan bukan Islam.</p> <p>Kata kunci: wakaf, golongan bukan Islam, membangun masyarakat.</p>	<p>compare them before comparing which views is the best to be suggested as opinions to be use and applied in today's context. The results of this study suggest that non-Muslims are permitted to wakaf so that the atmosphere of helping in society is felt and enjoyed together and this truth is not considered to be in the prohibitions for asking the assistance from non-Muslims.</p> <p>Keywords: waqf, non-Muslims, building a society.</p>
--	--

PENDAHULUAN

Setiap perundangan Islam bertujuan memberi manusia kebaikan sebanyak mungkin dan menghindarkan mereka dari kerosakan, tanpa mengira apakah mereka menganuti agama suci ini ataupun tidak. Ini adalah gambaran umum bagi agama Islam yang bersifat menyeluruh dan rahmat bagi sekalian alam. Perundangannya bukan sahaja membawa kebaikan kepada kaum muslimin bahkan kepada yang bukan Islam juga. Diantara perundangan Islam yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan kemajuan sosial adalah amalan berwakaf. Wakaf jika dapat dipromosikan dengan berkesan dan diurus tadbir asetnya dengan baik dapat menjana kemakmuran dan meningkatkan prestasi ekonomi negara serta mutu kehidupan sosial. Namun sebelum ia diperkenalkan kepada golongan bukan Islam, seharusnya ditinjau dahulu hukum syarak berkaitan dengan wakaf dari golongan bukan Islam ini. Kertas kerja ini akan menyorot hukum wakaf dari golongan bukan Islam dengan memulakannya dari status pemberian golongan bukan Islam, pemberian dari penghasilan yang haram, pandangan ulama terhadap wakaf golongan bukan Islam dan apakah wakaf mereka kepada umat Islam dikira sebagai meminta pertolongan dari mereka yang dilarang Al Quran serta cara terbaik dalam mempromosikan instrumen wakaf ini kepada mereka.

STATUS PEMBERIAN GOLONGAN BUKAN ISLAM

Wakaf adalah cabang dari masalah pemberian dan hadiah. Oleh yang demikian sebelum dibincangkan mengenai wakaf golongan bukan Islam, adalah lebih baik dilihat perbincangan para ulama dalam masalah pemberian mereka, bolehkah diterima oleh orang Islam.

Para ulama telah berselisih mengenai keharusan menerima pemberian golongan bukan Islam kepada tiga pendapat (Ibnu Muflih: 1997):

Pendapat Pertama

Harus bagi muslimin menerima hadiah dari golongan bukan Islam sama ada mereka itu ahli kitab atau musyrik. Pendapat ini berpegang kepada beberapa hujjah antaranya:

1. Nabi s.a.w menerima hadiah dan pemberian dari raja-raja bukan Islam seperti Baginda menerima pemberian raja Ailah, Bahnah bin Rubah berupa seekor baghal bewarna putih dan pakaian (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Jizyah #3161. Ibnu Hajar: 1986). Begitu juga Baginda menerima hadiah dari penguasa Dawmah seorang Nasrani (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Hibah. Bab: Menerima Hadiah daripada seorang musyrikin. #2616) dan pengusa Fadak berupa pakaian dan makanan (Hadis. Abu Daud. Kitab: Al Kharraj wal Imarah. Bab: Imam menerima hadiah dari musyrikin. #3055). Manakala raja Zi Yazin menghadihkan kepada Nabi sebanyak tiga puluh tiga ekor unta yang sarat dengan perhiasan dan pakaian (Hadis. Abu Daud. Kitab: Pakaian. Bab: Pakaian yang mahal. #4034). Raja Muqawqis pula memberi Nabi s.a.w seekor himar, dua orang hamba wanita dan dua puluh helai pakaian yang sangat lembut (Ibnu Hajar: Tt).
2. Saidina Ali mengkhabarkan bahawa Nabi s.a.w menerima hadiah Kisra dan menerima hadiah Kaisar (Hadis. Ahmad. #1234).

Pendapat Kedua

Dilarang orang Islam menerima pemberian golongan bukan Islam. Pendapat ini mempercayai bahawa setiap hadis dan riwayat yang menunjukkan Nabi s.a.w menerima hadiah dan pemberian golongan bukan Islam telah dimansuhkan. Antara dalil bagi pendapat kedua ini:

- 1- Diriwayatkan dari Saidina Iyadh bahawa seorang lelaki menghadihkan kepada Nabi s.a.w seekor unta lalu Nabi bertanya kepadanya: "Apakah kamu telah memeluk Islam? Lelaki itu menjawab: belum. Nabi s.a.w lantas bersabda: "Aku dilarang menerima hadiah dari seorang musyrik" (Hadis. At Termizi. Kitab: As Sair. Bab: Menerima hadiah dari seorang musyrik. #1624). Berkata Al Baihaqi: Berkemungkinan hadis ini disabdakan Baginda setelah mana Baginda

menerima hadiah dari golongan bukan Islam kemudian melarangnya (Al Baihaqi: 2005).

Pendapat ini disanggah dengan takwilan bahawa Baginda ingin menghilangkan rasa cenderung kepada orang bukan Islam dikeranakan hadiah yang diberikannya (Abadi: Tt. Al Syaukani: 2005). Dakwaan bahawa hadis yang melarang menerima pemberian golongan bukan Islam telah memansuhkan hadis yang menunjukkan keharusannya juga tidak dapat diterima kerana adanya kemungkinan penolakan hadiah dari mereka bersebab dengan sebab yang disebutkan di atas (ibnu Hajar: 1986).

Pendapat Ketiga

Harus bagi orang Islam menerima hadiah ahli kitab tetapi dilarang menerima hadiah golongan musyrik. Pendapat ini berpegang dengan zahir hadis Iyadh yang menunjukkan Nabi s.a.w hanya dilarang menerima hadiah golongan musyrikin sahaja. Sedangkan ahli kitab tidak tergolong dalam kategori musyrikin. Bersebab itu Baginda menerima pemberian Kaisar, penguasa Dawmah dan sebagainya kerana mereka adalah ahli kitab (Abadi: Tt).

Perbezaan hukum diantara ahli kitab dan musyrikin dalam hal ini adalah selari dalam masalah fikh yang lain seperti keizinan bernikah dengan wanita ahli kitab tetapi tidak untuk wanita kafir atau musyrik dan keharusan memakan daging sembelihan ahli kitab sedangkan sembelihan musyrik tidak dibenarkan.

Pendapat ini disanggah dengan terdapatnya beberapa periwayatan yang menunjukkan harus menerima pemberian musyrikin seperti:

1. Abdullah bin Zubair meriwayatkan bahawa Qatilah bte Abdul Uzza menziarahi anaknya Asma bte Abu Bakar As Siddiq r.a sedangkan beliau masih seorang musyrik dengan membawa hadiah berupa makanan. Asma enggan menerimanya dan tidak mengizinkan ibnuya memasuki rumahnya. Saidatina Aisyah r.a bertanya kepada Nabi s.a.w mengenai hal ini lalu Allah menurunkan firmanNya di dalam surah Al Mumtahanah ayat 8:

﴿لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُفَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ﴾

Maksudnya: "Allah Tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negeri kamu, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil".

Nabi s.a.w lalu menyuruh Asma menerima hadiah ibunya dan mengizinkannya masuk ke dalam rumah (Hadis. Ahmad. #16056).

2. Nabi s.a.w pernah bertanya kepada seorang lelaki musyrik yang sedang membawa kambingnya, “Apakah ia (kambing ini) sebagai hadiah atau jualan? Lelaki itu menjawab: “Ia sebagai jualan” (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Hibah. Bab: Menerima hadiah dari seorang musyrik. #2618).

Jikamana pemberian dari musyrik dilarang sudah tentu Baginda tidak akan bertanya apakah kambing yang di bawanya sebagai hadiah atau bukan.

Pendapat Pilihan

Dari perbincangan dan perbandingan dalil dari setiap pendapat di atas penulis mendapati bahawa pendapat pertama lebih layak diamalkan kerana hadis yang mengharuskan orang Islam menerima hadiah dari golongan bukan Islam sama ada dia seorang ahli kitab atau musyrik adalah lebih banyak (Al Baihaqi: 2005). Imam Al Bukhari r.a meletakkan sebuah tajuk dalam kitab sahihnya “Keharusan menerima hadiah dari musyrik”. Selain itu masalah kehidupan juga memerlukan penerimaan hadiah dari golongan bukan Islam agar keharmonian diantara kaum terjaga dan saling mempercayai satu sama lain.

Boleh juga dihipunkan hadis yang menunjukkan harus menerima hadiah dari seorang bukan Islam dan hadis yang melarangnya dengan, jika pemberian itu bertujuan menghina kaum muslimin atau untuk mereka meninggalkan ajaran agama Islam atau jika barang yang diberikan itu adalah diharamkan dalam Islam seperti arak yang mana Nabi pernah menolak hadiah berupa arak dari seorang yang bukan Islam ataupun jika hadiah itu merupakan lambang agama lain seperti salib (ibnu Hajar: 1986. Al Syaikani: 2005). Ringkasnya seorang muslim tidak dilarang menerima hadiah dari golongan bukan Islam kecuali dengan sebab luaran yang akan merugikan orang-orang Islam dan merosakkan agama mereka.

Jika pentarjihan ini memerlukan kepada *An Naskh*, maka menjadikan hadis yang mengharuskan sebagai *nasikh* adalah lebih baik daripada menjadikannya sebagai *Mansukh*. Kerana hadis yang menunjukkan Nabi s.a.w menerima hadiah dari seorang musyrik itu berlaku dalam perjalanan peperangan Tabuk manakala Iyadh telah memeluk Islam sebelum peristiwa Tabuk (ibnu Hazm: Tt).

Dengan ini mazhab fuqaha secara umumnya tidak mensyaratkan dalam hukum hibah hendaklah pemberi itu seorang muslim. Sehingga Al Syarbini menggunakan riwayat penerimaan Nabi s.a.w hadiah Muqawqis sebagai dalil pensyariatan hibah (Al Syarbini: Tt).

PEMBERIAN DARI PENGHASILAN HARAM

Pemberian dari seorang bukan Islam menimbulkan pelbagai persoalan hukum, diantaranya mengenai status harta golongan bukan Islam kerana hasil mereka terkadang berpunca dari sumber yang haram seperti riba dan seumpamanya.

Sebelum ditinjau status sedekah dari hasil pendapatan mereka, penulis akan membincangkan terlebih dahulu pandangan syarak dalam bersedekah dari harta yang haram.

Pemberian Menggunakan Harta Haram

Allah s.w.t menyuruh hambaNya untuk bersedekah dari harta yang halal sahaja firmanNya:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ، وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ . . . ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman nafkahkanlah sebahagian dari hasil kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan janganlah kamu memilih-milih yang buruk kemudian kamu nafkahkan darinya . . .” (Al Baqarah: 267).

Makna "طيبات" dalam ayat ini adalah “yang halal” (Al Qurthubi: Tt). Nabi s.a.w juga bersabda: “Sesungguhnya Allah Taala itu baik dan tidak menerima kecuali dari yang baik sahaja” (Hadis. Muslim. Kitab Zakat. Bab: Galakkan bersedekah). Menafkahkan dari yang halal adalah dari kaedah umum syariat Islam dan asas yang terbina di atasnya hukum syara (An Nawawi (A): Tt).

Kecuali jika seorang muslim itu memiliki harta dari sumber yang haram lalu beliau ingin bertaubat dan melepaskan dirinya dari harta haram itu maka hendaklah dikembalikan kepada pemilik harta tersebut jika ada seperti harta yang dirampas. Namun jika tidak ada atau tidak diketahui siapakah yang berhak keatas harta tersebut maka hendaklah diuruskan harta itu untuk masalahat kaum muslimin (An Nawawi (B): Tt).

Penghasilan Golongan Bukan Islam

Hukum yang disebutkan diatas adalah untuk orang Islam yang hendak bertaubat, bagi golongan bukan Islam pula hendaklah dilihat dahulu, apakah harta itu haram zatnya atau sifatnya (perolehannya).

Harta Yang Haram Zatnya

Harta yang haram zatnya adalah seperti arak dan seumpamanya. Harta jenis ini haram dimanfaatkan sama sekali walaupun dengan menjualnya. Imam Muslim meriwayatkan bahawa seorang lelaki menghadihkan kepada Nabi s.a.w arak lalu Baginda bertanya kepadanya: “Apakah kamu mengetahui Allah Taala telah mengharamkannya? Beliau menjawab: “Tidak”. Lalu datang seorang lelaki dan berbisik kepada lelaki yang membawa arak tersebut. Nabi s.a.w menyoal lelaki yang berbisik itu apakah yang dibisikkannya. Lelaki itu menjawab: “Aku menyuruh dia menjual araknya” Nabi bersabda: “Sesungguhnya yang mengharamkan meminumnya mengharamkan juga

menjualnya". Lelaki yang membawa hadiah langsung mencurahkan araknya ke bumi (Hadis. Muslim. Kitab: Memberi minuman. Bab: Pengharaman penjualan arak). Dalam sebuah riwayat lain Nabi bersabda: "Jika Allah Taala mengharamkan memakan sesuatu, Allah juga mengharamkan menjualnya" (Hadis. Ahmad. #2221).

Harta yang diperolehi dengan cara mencuri dan merampas juga tergolong dalam harta yang diharamkan kerana zatnya. Harta-harta seperti ini tidak boleh digunakan atau diterima sebagai pemberian tetapi haruslah dipulangkan kepada pemilik asalnya. Disebabkan itu disyaratkan dalam pemberian, hendaklah harta itu dimiliki oleh pemberi.

Saidina Mughirah meriwayatkan bahawa beliau menemani sebuah kaum lalu membunuh mereka dan mengambil harta mereka. Ketika beliau memeluk Islam harta itu hendak diserahkan kepada Nabi s.a.w sebagai hadiah, Baginda lantas bersabda: "Aku menerima Islamnya kamu, adapun harta tersebut maka tidak" (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Syarat-syarat. Bab: Syarat-syarat dalam jihad dan perdamaian. #2731).

Selain itu jika diharuskan menerima harta-harta seperti ini maka ia akan menjadi jalan untuk melepaskan diri dari hukuman curi dan seumpamanya disamping ia juga dianggap memberi pertolongan kepada perbuatan munkar dan maksiat.

Jika terdapat keuzuran untuk memulangkan harta ini kepada pemilik asalnya maka tidak menjadi kesalahan untuk dibelanjakan dalam masalah umum. Ibnu Taymiah berkata: "Jika terdapat keuzuran untuk memulangkan harta yang diambil secara zalim seperti kebanyakan harta yang diambil oleh pemerintah, maka hendaklah ia dibelanjakan pada masalah kaum muslimin yang akan menolong dalam perkara kebaikan dan ketakwaan" (Ibnu Taymiah: 1983).

Ibnu Taymiah mengkhususkan masalah itu hanya kepada orang Islam mengikut konteks zamannya yang mana terdapat negara Islam dan Harbi. Sedangkan dalam konteks kehidupan masyarakat hari ini masalah untuk kaum muslimin dikira juga sebagai masalah bagi selain mereka seperti jalan raya, hospital, peralatan keselamatan dan sebagainya.

Harta Yang Tidak Diketahui Sumbernya Atau Yang Becampur Dengan Yang Haram

Harta yang tidak diketahui sumbernya harus diterima sebagai pemberian. Demikian juga halnya dengan harta yang bercampur dengan yang haram berdasarkan dalil-dalil berikut:

1. Nabi s.a.w menerima hadiah dari Kaisar, Kisra dan beberapa raja dan penguasa lainnya sedangkan mereka terkenal dengan kezaliman dan merampas harta orang lain, namun begitu Baginda tetap menerimanya

- kerana harta mereka dianggap sebagai harta yang bercampur antara hasil halal dan haram (Hadis. Ahmad. #1234. Ibnu Hajar: Tt).
2. Baginda dan para sahabat berjual beli bersama penduduk Mekkah sebelum hijrah dan sesudah hijrah pula mereka mengadakan urusan kewangan bersama kaum Yahudi. Kedua-dua mereka amat terkenal dengan melakukan penipuan, kezaliman dalam perniagaan, mengambil riba dan sebagainya. Tidak diketahui Nabi s.a.w pernah melarang sahabat berurusan dengan golongan seperti ini yang mana harta mereka bercampur antara hasil perniagaan yang halal dan haram.
 3. Ibnu Masud pernah ditanya oleh seorang lelaki bahawa jirannya mengambil riba dan pada masa yang sama sering menjemput beliau untuk makan bersama. Ibnu Masud menjawab: makanlah kamu dan dosanya ditanggung oleh beliau sahaja. Berkata Sufyan At Tsauri: "Jika kamu tahu zatnya dari yang haram maka janganlah mengambilnya" (As Sana'ni: Kitab: Jual beli. Bab: Makanan ketua-ketuan dan memakan hasil riba. #14675).
 4. Adanya orang bukan Islam tidak bermakna adanya harta yang haram secara pasti. Keraguan dalam keberadaan pekara haram tidak melazimkan pengharaman. Kerana itu tidak ada sesiapa yang mengatakan, jika dia seorang yang bukan Islam maka hartanya sudah tentunya haram.
 5. Status harta golongan bukan Islam dari segi kehalalannya atau tidak mengikut kepercayaan agamanya. Maka harta yang mereka perolehi dari jualan arak sebagai contoh adalah halal di sisi mereka kerana dalam kepercayaan mereka, tidak salah seseorang itu menjual arak. Oleh yang demikian sedekah seorang bukan Islam dari hasil jualan arak dikira sebagai sedekah yang harus di terima oleh seorang muslim kerana status harta mengikut takwilan dan kepercayaan orang yang memiliki harta tersebut. (Al Zaylai': Tt).

Diriwayatkan bahawa Saidina Umar mengambil cukai dari arak dengan menyuruh orang bukan Islam menjual dahulu arak tersebut lalu diambil cukai dari hasilnya (As Sana'ni. Kitab: Ahli Kitab. Bab: Jizyah dari arak. #9886). Hammad pula meriwayatkan dari Ibrahim An Nakhi supaya diambil 10% dari harga araknya kafir zimmi (As Sana'ni. Kitab: Ahli Kitab. Bab: Jizyah dari arak. #9887). Berkata Ibnu Taymiah: "Jika seorang muslim mengurus niaga dengan pengurusan yang dia anggap harus, maka boleh orang Islam yang lain menerima hartanya walau dia menganggapnya haram" (Ibnu Taymiah: 2004).

WAKAF GOLONGAN BUKAN ISLAM

Jika diteliti definasi yang diberikan oleh para fuqaha didapati mereka tidak menghadkan amalan wakaf ini hanya untuk orang Islam atau mensyaratkan Islam pada diri orang yang melakukan wakaf (pewakaf). Para fuqaha telah

berselisih pendapat terhadap keharusan golongan bukan Islam melaksanakan wakaf:

Pendapat Mazhab Hanafi

Disyaratkan dalam wakaf orang bukan Islam hendaklah pekara yang diwakafkan itu dianggap sebagai ketaatan dalam kepercayaan mereka dan kepercayaan orang Islam. Seperti mewakafkan sesuatu untuk fakir miskin, anak yatim, orang yang dibebani hutang dan sebagainya yang menjadi amal ketaatan dalam agama mereka dan agama Islam. Mereka juga mensyaratkan pewakaf itu mestilah menganuti sesebuah agama (ibnu Nujaim: 1997. Ibnu Abidin: 2003).

Oleh yang demikian tidak sah mereka mewakafkan Al Quran kerana ia bukan dikira sebagai ketaatan dalam kepercayaan mereka. Begitu juga tidak sah mereka mewakafkan gereja kerana pembinaan gereja walaupun ketaatan dalam pandangan mereka tetapi bukan anjuran dalam agama Islam. Demikian pula tidak sah wakaf dari seorang yang tidak beragama.

Pendapat Mazhab Maliki

Wakaf golongan bukan Islam adalah tidak sah jika ia dari sudut ketaatan keagamaan tetapi sah jika ia dari sudut duniawi. Maka tidak sah wakaf mereka untuk masjid, pengajian agama dan lain-lain, namun dibenarkan jika mereka mewakafkan taman, jalan raya, perigi dan seumpamanya yang mempunyai masalah keduniaan (Al Khursyi: 1997. Al Amir: 2011).

Pendapat Mazhab As Syafi' Dan Hanbali

Disyaratkan sahnya wakaf golongan bukan Islam, hendaklah pekara yang diwakafkan itu dikira sebagai ketaatan dalam agama Islam atau sekurang-kurangnya pekara itu dibenarkan dalam Islam, tanpa mengambil kira pandangan agama orang bukan Islam tersebut. Atas dasar pendapat ini seorang Nasrani dibenarkan untuk mewakafkan tanahnya untuk masjid dan tidak sah pula wakaf itu jika ianya untuk gereja (Al Ramli: 2012. Al Mawardi: 1994. Ibnu Qudamah: 2004. Al Mardawi: 1998).

Pendapat Pilihan

Wakaf termasuk salah satu dari cabang pemberian. Dimana pemberian itu terbahagi kepada pemberian semasa seseorang itu hidup dan pemberian yang terlaksana setelah kematiannya yang dikenali dengan wasiat. Pemberian dikala hidup pula terbahagi kepada tiga cabang iaitu sedekah, hibah dan wakaf (As Syafi: 1983). Sebagaimana penulis telah memilih pendapat yang membenarkan orang Islam menerima pemberian golongan bukan Islam, begitu juga sah wakafnya terlebih lagi para fuqaha tidak meletakkan niat sebagai

syarat sahnya wakaf yang mana tidak boleh dilakukan oleh golongan bukan Islam tetapi hanya memadai dengan lafas yang menunjukkan kepadanya.

Membenarkan golongan bukan Islam melaksanakan wakaf tidak seharusnya bersifat mutlak demi menjaga kemaslahatan agama Islam, keadilan dan keharmonian diantara agama. Oleh itu pendapat mazhab Hanafi lebih terpilih bagi menepati tujuan ini. Jika mereka hanya dibenarkan untuk melakukan wakaf dalam perkara yang hanya dilihat sebagai ketaatan dalam agama Islam maka mereka akan merasakan ketidakadilan yang akan menjejaskan perhubungan antara kaum dalam masyarakat majmuk. Tetapi jika mereka dibenarkan untuk melakukan wakaf dalam hal-hal keagamaan dan kepercayaan mereka seperti mencetak kitab ajaran agama mereka, keselamatan akidah ummat Islam akan terjejas dan terancam, terlebih lagi mereka menggunakan instrumen yang dikenalkan agama Islam untuk menggugat kepercayaan ummatnya pula.

Adalah terlebih baik dibataskan wakaf dari golongan bukan Islam hanya pada apa yang menjadi ketaatan dalam agama Islam serta agama mereka agar dapat bersepakat dalam menyumbang kepada pembangunan negara, masyarakat dan mencapai maslahat bersama.

MEMINTA PERTOLONGAN DARI GOLONGAN BUKAN ISLAM

Meminta golongan bukan Islam melaksanakan wakaf demi pembangunan masyarakat Islam itu sendiri atau negara memiliki ciri-ciri meminta bantuan dari mereka sama ada secara langsung ataupun tidak. Para fuqaha telah berbeza pendapat dalam hukum meminta bantuan dari golongan bukan Islam seperti berikut ini:

Pendapat Pertama

Dilarang ummat Islam meminta bantuan dari golongan bukan Islam kecuali dalam pekerjaan yang memperlihatkan kemuliaan ummat Islam dan kehinaan mereka seperti mengangkat najis, pembantu, menyapu jalan dan sebagainya (Al Lakhmi: 1430H). Pendapat ini berhujjah dengan:

1- Firman Allah Taala:

﴿لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ
إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَاةً وَيُخَذَ بِكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ﴾

Maksudnya: “Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin, barangsiapa berbuat demikian maka lepaslah dia dari pertolongan Allah kecuali memelihar diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka, dan Allah memperingatkan kamu terhadap DiriNya (azabNya) dan hanya kepada Allah kamu akan kembali”. (Aal-Imran: 28).

Berkata Imam Al Alusi, yang dimaksudkan dengan *wali* adalah segala jenis pertolongan kerana ayat itu bersifat umum (Al Alusi: 1985). Diriwayatkan bahawa ayat ini diturunkan bersebab Saidina Ubadah bin Shamith hendak keluar berjihad dengan pertolongan lima ratus orang yahudi dalam peperangan Ahzab, lalu Allah Taala menurunkan ayat ini (Al Jassas: 1992).

- 2- Golongan bukan Islam akan berusaha untuk menyusahkan masyarakat Islam dan merosakkan urusan dunia dan akhirat mereka seperti firman Allah Taala:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بِطَانَةَ مَن دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُوًا مَا عَنِتُّمْ قَد بَدَتْ
الْبُغْضَاءَ مِن أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ إِن كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman jangan kamu ambil luar dari kalangan kamu sebagai teman kepercayaan kamu, kerana mereka tidak henti-henti (menimbulkan) kemudharatan bagi kamu, mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu, telah nyata kebencian dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan hati mereka lebih besar lagi, sungguh telah Kami terangkan kepada kamu ayat-ayat Kami jika kamu memahaminya” (Aal-Imran: 118).

Berkata Ibnu Jauzi ayat ini menunjukkan tidak boleh mengambil golongan bukan Islam sebagai penolong dalam urusan yang melibatkan masyarakat Islam (Ibnu Jauzi: 1994).

- 3- Sabda Nabi s.a.w ketika datang seorang lelaki kafir yang terkenal dengan kekuatannya untuk menolong Baginda dalam peperangan Badar: “Pulanglah kerana sesekali tidak akan aku minta pertolongan dari seorang musyrik” (Hadis. At Termizi. Kitab: As Sair. Bab: Ahli zimmah yang berperang bersama orang Islam apakah memperoleh saham dari harta rampasan. #1601).

Hadis ini dengan jelas menunjukkan tidak boleh minta pertolongan kepada golongan bukan Islam dalam jihad. Diqiyaskan hukum ini kepada urusan masyarakat Islam yang lain.

- 4- Saidina Anas meriwayatkan Nabi s.a.w bersabda: “Janganlah kamu mengambil cahaya dari apinya musyrikin” (Hadis. An Nasai. Kitab: Perhiasan. Bab: Jangan mengukir perkataan arab di cincin. #5224). Imam Baihaqi mensyarahkan makna “api musyrikin” dengan meminta pandangan mereka dalam sesebuah urusan (Al Baihaqi: 2005).

- 5- Saidina Umar ibnu Al Khattab pernah memarahi Abu Musa Al Aysa'ri kerana melantik seorang nasrani sebagai tukang tulisnya dengan berkata: "Janganlah kamu memuliakan mereka sedangkan Allah telah menghinakan mereka, jangan pula kamu mendekatkan mereka (kepada diri mu) sedangkan Allah telah menjauhkan mereka (dari diriNya) dan jangan kamu mempercayai mereka ketika Allah telah menyifatkan mereka dengan pengkhianatan" (Al Baihaqi. Kitab: Adab Qadhi. Bab: Tidak boleh seorang qadhi melantik tukang tulis dari kalangan zimmi. #20991).

Riwayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa mengambil bantuan dari golongan bukan Islam adalah dilarang kerana seseorang tidak layak menerima teguran sekeras ini kecuali apabila dia melanggar larangan syarak.

Pendapat Kedua

harus meminta dan mengambil bantuan dari golongan bukan Islam dengan syarat-syarat tertentu (Ibnu Hummam: 1977. Al Syirazi: Tt. Ibnu Qudamah: 2004). Pendapat ini dikuatkan dengan dalil berikut:

- 1- Nabi s.a.w pernah meminjam beberapa baju besi Safwan bin Umayyah sebelum dia memeluk Islam dalam peperangan Hunain (Hadis. Abud Daud. Kitab: Jual beli. Bab: Jaminan barang pinjaman. #3562). Baginda jua pernah meminta bantuan dari segolongan yahudi dalam peperangan Khaibar dan memberikan mereka bahagian dari harta rampasan (Hadis. Abu Daud. Kitab: Jihad. Bab: Bahagian harta rampasan).
- 2- Diriwayatkan dari Tsabit bin Harith Al Ansari bahawa ketika Abu Sufyan hendak menyerang Madinah dalam peristiwa Uhud, Nabi s.a.w mendatangi yahudi Bani Nadhir meminta mereka menolong orang-orang Islam dalam peperangan atau setidaknya meminjamkan senjata mereka (Al Albani: 1992).
- 3- Nabi s.a.w mengupah Abdullah bin Uraykit sebagai penunjuk jalan dalam peristiwa hijarah sedangkan beliau seorang musyrik dan tidak diketahui apakah beliau memeluk Islam setelah itu (Al Qastalani: 1991).

Pendapat yang mengharuskan meminta bantuan dari golongan bukan Islam tidak menyatakan keharusan ini secara mutlak bahkan ia dibatasi dengan beberapa batasan atau syarat:

- 1- Hendaklah golongan bukan Islam yang diminta bantuan darinya atau yang bekerjasama dengan orang-orang Islam adalah seorang yang amanah, jujur nasihatnya (As Syirazi: Tt).

- 2- Tidaklah boleh orang bukan Islam itu membuat keputusan secara bersendirian tanpa diteliti dahulu oleh orang-orang Islam (Al Sarakhsi: Tt).
- 3- Hendaklah hukum Islam itu terjaga dan tidak tergadai dengan mengambil pertolongan dari mereka (Al Syauckani: 2005).
- 4- Hasil dari pertolongan yang mereka hulurkan itu hendaklah memanfaatkan orang-orang Islam atau sekurang-kurangnya tidak memudharatkan mereka (Al Jassas: 1992). Firman Allah Taala:

﴿الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ أَلْيَبْتَغُونَ عِنْدَهُمُ الْعِزَّةَ فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا﴾

Maksudnya: "Orang-orang yang mengambil orang kafir menjadi teman penolong dengan meninggalkan orang-orang mukmin, apakah mereka mencari kekuatan di sisi orang kafir itu? Maka sesungguhnya semua kekuatan adalah kepunyaan Allah" (An Nisa:139)

Ayat ini menunjukkan jika mana pertolongan orang-orang kafir itu akan menjadikan agama Islam lemah dan hina maka ia dilarang kerana tiada faedah dari pertolongan tersebut. Tujuan mengambil pertolongan dari bukan Islam adalah untuk menguatkan agama Islam dan pengikutnya.

- 5- Hendaklah bagi orang-orang Islam kekuatan yang dapat mengatasi kesan penkhianatan mereka jika mereka berkhianat. Kekuatan itu boleh berupa kekuatan kewangan atau perundangan dan sebagainya (Al Syarbini: Tt).

Pendapat Pilihan

Penulis memilih pendapat kedua yang mengharuskan minta pertolongan dari golongan bukan Islam dalam membina dan memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi ummat Islam secara khusus dan membangun negara secara umum. Keharusan ini perlu dibatasi dengan syarat yang telah disebutkan bagi melindungi kepentingan agama Islam dan ummatnya dari dihina, direndahkan, diperbodohkan dan dizalimi.

Adapun ayat yang melarang menjadikan orang-orang bukan Islam sebagai penolong diturunkan apabila ada sekumpulan kaum Ansar meminta tolong dari beberapa Yahudi. Yahudi tersebut mempunyai matlamat untuk merosakkan agama kaum Ansar yang meminta pertolongan mereka. Sebahagian orang-orang Islam melarang kaum Ansar tersebut dari bekerjasama dengan golongan Yahudi itu tetapi mereka enggan menerima nasihat, maka Allah Taala menurunkan ayat ini.

Dengan keharusan seorang muslim meminta bantuan dari golongan bukan Islam, maka bolehlah juga diminta dari mereka berwakaf untuk

pembangunan masyarakat dan negara dengan syarat-syarat yang telah digariskan diatas.

CARA MELIBATKAN GOLONGAN BUKAN ISLAM DALAM AMALAN WAKAF

Bagi menggalakkan penglibatan golongan bukan Islam dalam amalan wakaf demi pembangunan negara beberapa langkah boleh diambil kira:

- 1- Merubah perundangan yang hanya membataskan amalan berwakaf untuk kaum muslimin sahaja. Sebahagian perundangan seperti AMLA (Administrative of Muslim Law Act) untuk masyarakat Islam Singapura mensyaratkan pewakaf itu mestilah dari kalangan orang-orang Islam sahaja (Attorney General Chambers: 2011). Peruntukan seperti ini terkadang menjadi penghambat bagi pegawai tadbir persatuan-persatuan Islam untuk menerima wakaf dari golongan bukan Islam atau memperkenalkannya kepada mereka.

Penulis yakin jika akta seperti ini dapat dipinda dengan meluaskan skop pengambilan wakaf, maka lebih ramai akan tampil untuk menyumbang kepada masyarakat melalui amalan wakaf. Ia juga akan mengangkat kekangan dan halangan dari pemimpin-pemimpin Islam untuk mempromosikan instrumen wakaf ini kepada golongan bukan Islam.

- 2- Memberi pendedahan kepada golongan bukan Islam mengenai wakaf melalui seminar, syarahan, *roadshow* dan sebagainya sehingga mereka memahami konsep wakaf, kepentingannya, peranannya dalam menjaga kesejahteraan sosial dan negara. Penerangan seperti ini akan menarik minat mereka dalam memberi sumbangan, kerana berkemungkinan ketidak tahuan mereka mengenai wakaf atau peranannya adalah faktor yang menghambat mereka dari berwakaf. Setelah mana dicaknakan mengenai kepentingan wakaf ini, mereka akan lebih memahami dan menghayati tujuan pensyariatannya sehingga mahu bersama-sama menghulurkan wakaf demi pembangunan bersama.

PENUTUP

Tidak dapat dinafikan bahawa wakaf memainkan peranan yang besar dalam pembangunan ekonomi, sosial dan negara. Kemampuan untuk melipat gandakan para pewakaf dapat memberi suntikan kepada dana wakaf. Bagi meluaskan jaringan pewakaf tumpuan harus dialihkan dan memasuki kumpulan masyarakat yang baru dimana jumlah pewakaf darinya amat kurang iaitu golongan bukan Islam. Syarak tidak melarang umat Islam menerima pemberian dari golongan bukan Islam selagi mana pemberian itu dalam perkara yang diharuskan syarak dan tidak mengandungi unsur

penghinaan kepada Islam serta tujuan melemahkan umatnya. Harta dan penghasilan golongan bukan Islam tidaklah dihukumkan haram secara pasti, kerana adanya mereka tidak bererti adanya harta haram.

Para ulama telah mengharuskan menerima harta yang bercampur diantara sumber yang harus dan haram berdasarkan dalil-dalil dari Sunnah dan perbuatan sahabat. Sementara harta yang diyakini zatnya adalah haram tidak boleh diterima dan mestilah dipulangkan kepada pemiliknya kecuali jika terdapat keuzuran, maka hendaklah disalurkan kepada kemaslahatan umum. Para ulama juga telah bersepakat akan keharusan golongan bukan Islam untuk terlibat sama dalam amalan wakaf, walaupun mereka berselisih pada lapangan wakaf tersebut. Pemilihan wakaf itu hendaklah sesuatu yang dianggap ketaatan dalam agama Islam dan agama mereka lebih bersifat adil kepada golongan bukan Islam ini dan memperlihatkan Islam mengiktiraf keberadaan mereka dan sumbangan yang dihulurkan. Oleh yang demikian usaha untuk menarik golongan bukan Islam supaya terlibat di dalam amalan wakaf perlulah diberikan perhatian.

RUJUKAN

Al Quran Al Karim.

Abadi, Muhammad Syamsul Haqq Al Azim. Tt. *Aun Al Ma'bud Syarah Sunan Abi Daud*. Al Kaherah: Maktabah Al Taufiqiyyah.

Abu Daud, Sulaiman bin Al Ays'as. Tt. *Kitab Al Marasil*. Dar Al Shumai'i.

Abu Daud, Sulaiman bin Ays'as. T:t. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Darul Fikr.

Ahmad bin Hanbal. 1995. *Al Musnad*. Kaherah: Dar Al Hadis.

Al Albani, Muhammad Nasiruddin. 1992. *Silsilah Al Ahadis Al Dhaifah wal Al Maudhuah wa Atsaruha Al Saiyi a'la Al Ummah*. Riyadh: Al Maktab Al Islamiy.

Al Alusi, Muhammad bin Abdullah. 1985. *Ruh Al Ma'ni*. Beirut: Dar Ihya Turath Al Arabi.

Al Amir, Muhammad bin Muhammad. 2011. *Al Iklil Syarah Mukhtasar Al Khalil*. Qahirah: Darul Fadhillah.

Al Baihaqi, Ahmad bin Hussin. 2005. *As Sunanul Kubra*. Beirut: Darul Fikr.

Al Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Al Bukhari*. Kaherah: Dar Al Rayyan.

Al Jassas, Ahmad bin Ali. 1992. *Ahkam Al Quran*. Beirut: Dar Ihya Al Turath Al A'rabi.

- Al Khursyi, Muhammad bin Abdullah. 1997. *Hasyiyah Al Khursyi a'la Mukhtasar Sidi Khalil*. Beirut: Darul Kutubil I'Imiyah.
- Al lakhmi Ali bin Muhammad. 1430H. *Al Tabsirah*. Mekkah: Maktabh Ummul Qura.
- Al Mardawi, Ali bin Sulaiman. 1998. *Al Insaf fi Ma'rifati Al Rajihi min Al Khilaf*. Beirut: Dar Ihya Al Turath Al A'rabi.
- Al Mawardi, Ali bin Muhammad. 2004. *Al Hawi Al Kabir fil fiqhi mazhab Imam As Syafi'*. Beirut: Dar Kutub Ilmiyah.
- Al Qastalani, Ahmad bin Muhammad. 1991. *Al Mawahib Al Laduniyyah bil Manhi Al Muhammadiyah*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. Tt. *Al Mabsuth*. Beirut: Dar Al Ma'rifah.
- Al Syarbini, Muhammad Al Khatib. T:t. *Mughni Muhtaj*, Beirut: Darul Fikr.
- Al Syawkani, Muhammad bin Ali. 2005. *Nailul Awthar*. Kaherah: Maktabah Safa.
- Al Syirazi, Ibrahim bin Ali. T:t. *Al Muhazzab*. Semarang: Maktabah Putra.
- Al zaylai', Abdullah bin Yusuf. Tt. *Nasbu Al Rayah li Al Ahadis Al Hidayah*. Jeddah: Dar Al Qiblah li Tsaqafah Al Islamiyah.
- An Nasai' Ahmad bin Syuaib. 2010. *Sunan An Nasai'*. Kaherah: Dar Al Hadis.
- An Nawawi, Yahya bin Syarf (A). Tt. *Syarah Nawawi A'la Sahih Muslim*. Beirut: Darul Kutubil I'Imiyah.
- An Nawawi, Yahya bin Syarf (B). Tt. *Al Majmuk*. Beirut: Darul Fikr.
- Ar Ramli, Muhammad bin Syihabuddin. 2012. *Nihayatul Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Tawfiqiyah.
- As Syafi, Muhammad bin Idris. 1983. *Al Umm*. Beirut: Dar Al Fikr.
- At Termizi, Muhammad bin Isa. 1983. *Sunan At Termizi*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Attorney General's Chambers. 2 January 2011. Part one: (2) interpretation. *Administration of Muslim Law Act*. www.statutes.agc.gov.sg
- Ibnu Abidin, Muhammad bin Amin. 2003. *Raddul Mukhtar A'la Durril Mukhtar*. Beirut: Darul Kutubil I'Imiyah.
- Ibnu Al Hummam, Muhammad bin Abdul Wahid. 1977. *Fathul Qadir*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Ibnu Hajar Al-Asqalani, Ahmad bin Ali. 1986. *Fathul Bari*. Kahirah: Dar Ar-Rayyan lil Turath.

Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali. Tt. *Al Isabah fi Tamyiz Al Sahabah*. Beirut: Dar Al Fikr.

Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad. Tt. *Al Muhalla*. Mesir: Matba'h Al Nahdhah.

Ibnu Muflih, Muhammad. 1997. *Al Furu'*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Ibnu Nujaim, Umar bin Ibrahim. 1997. *Al Bahrul Raiq Syarah Kanzul Daqaiq*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiah.

Ibnu Qayyim, Abdul Rahman bin Ali. 1994. *Zadul Masir fi Ilmi Al Tafsir*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 2004. *Al Mughni*. Kaherah: Darul Hadis.

Ibnu Taymiyah, Ahmad bin Abdul Salam. 1983. *Al Siyasa Al Syariah fi Islah Al Raii' wal Raiyah*. Beirut: Dar Al Afaq Al Jadidah.

Ibnu Taymiyah, Ahmad bin Abdul Salam. 2004. *Majmuk Al Fatawa*. Saudi: Al Awqaf Al Saudiah.

Muslim bin Hajjaj. Tt. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Qurthubi, Muhammad bin Ansar. 2006. *Al Jami' li ahkamil Quran*. Al Mansurah: Maktabah Al Iman.

Sana'ni, Abdur Razaq bin Hammam. Tt. *Musannaf Abdir Razaq*. Beirut: Mansyurat Majlis Al I'Imi.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.